

BIOGRAFI AFFIFUDIN HAJI OMAR 1943-2018. Oleh Rohani Haji Ab Ghani, Che Su Mustaffa. 2024. Penerbit Universiti Utara Malaysia, Sintok, Kedah. Halaman 150. ISBN 9786294911093.

Biografi adalah kisah hidup seseorang dan digolongkan sebagai sebahagian daripada bidang sejarah. Secara umum apa yang diperkatakan dalam sejarah dan biografi melibatkan perkara dan proses yang sama. Biografi menumpukan kajian dan penulisan tentang kehidupan serta perjuangan seseorang tokoh. Karya biografi membincangkan keseluruhan riwayat hidup seseorang individu dari peringkat awal kehidupan sehinggalah kematiannya.

Terdapat ramai tokoh yang perlu diteliti secara *top to bottom* atau sebaliknya yang perlu dicatatkan dalam bentuk biografi. Ketidacaknaan terhadap budaya mencatat menyebabkan catatan warisan negara terbiar atau dibiarkan ditelan zaman. Ted Schwarz (1990) memberikan panduan penulisan biografi di samping beberapa orang penulis seperti Ramlah Adam (2000), Abdullah Zakaria dan Adnan Hj. Nawang (1997). Penulisan biografi mempunyai bentuknya yang tersendiri iaitu biografi, autobiografi dan memoir. Biografi dibahagikan kepada biografi kreatif dan biografi deskriptif atau ilmiah.

Biografi Affifudin Omar mengandungi enam bab bermula dengan migrasi orang Kampar dan Siak ke Tanah Melayu. Keturunan dan ketokohan kependekaran Dato Tabano diwarisi oleh Haji Omar serta diperturunkan kepada anak-anaknya termasuk Affifudin sehingga berupaya membentuk peribadi yang unggul. Dato' Wira Dr. Affifudin Haji Omar adalah pejuang dan kisah kehidupannya dari kecil hingga ke akhir hayatnya berjuang untuk membina serta mendapat kehidupan yang bermakna untuk keluarga, sahabat dan tanah air. Platform keintelektualan dan penglibatan dalam politik digunakan dengan sebaiknya bagi menjelmakan angin perubahan dalam nasib keluarga dan juga kehidupan masyarakat petani. Justeru, buku ini signifikan sebagai salah satu sumber bacaan ringan mengenai tokoh.

Penulis menggabungkan dua metode yang bersandarkan sumber primer dan sekunder sebanyak 49 buah bagi menghasilkan penulisan. Kekuatan penulisan kerana menggunakan kaedah wawancara bersama tokoh ketika hayatnya. Gambaran sebagai *A complete personality* juga lebih tepat kerana disajikan dengan hasil wawancara yang bersifat *bottom up* bagi menyokong kenyataan tersebut.

Menelusuri karya ini, walaupun terdapat beberapa kekurangan dalam penceritaan yang boleh menimbulkan persoalan namun berupaya menyuntik semangat dan memberikan gambaran kehidupan anak kampung yang bercita-cita besar dalam mengubah kehidupan. Justeru itu, karya ini signifikan dan penting dalam disiplin berkaitan biografi tokoh di Malaysia.

Penulisan dimulakan dengan tajuk 'Mencari Batil Emas' memfokuskan kepada gelombang diaspora masyarakat dari Kepulauan Melayu ke Tanah Melayu. Ini bersandarkan kepada jaminan kehidupan yang lebih baik berbanding tanah kelahiran. Kecekalan perantau Melayu adalah berbekalkan kemahiran dan pengetahuan mendalam yang dimiliki khususnya berkaitan dengan ilmu kelautan. Gelombang penghijrahan secara besar-besaran berlaku pada abad ke-19 dan ke-20. Orang Melayu beranggapan bahawa mereka adalah daripada entiti yang sama namun terpisah berikutan penjajahan dan termeterainya Perjanjian Inggeris-Belanda 1824.

Kabupaten Kampar berkeluasan lebih kurang 27,908.32 kilometer persegi. Persamaan wilayah, sejarah dan keserumpunan antara Minangkabau dan Kampar menyebabkan wujud persefahaman bahasa, budaya serta nilai hidup. Orang Kampar bertutur dalam bahasa Kampar atau dipanggil Bahasa Ocu dan merupakan salah satu dialek dalam bahasa Minangkabau. Orang Kampar dikaitkan dengan hulubalang dan *king-makers*. Ughang Kampar disebut sebagai Orang Ocu (Ughang Ocu) berasal dari Kabupaten Kampar iaitu di wilayah Limo Koto. Setiap kota terdiri daripada empat suku utama iaitu Domo Bagindo Bosau, Tok Said, Piliang dan Melayu. Suku lain pula ialah Pitopang, Bendang dan Kampar serta diketuai oleh pemimpin masing-masing.

Mengikut catatan sejarah, kedatangan orang Kampar ke Tanah Melayu berlaku pada abad ke-19 dan abad ke-20. Penghijrahan mereka berikutan penindasan kuasa kolonial Belanda melalui *System Culture Stelsel* dan *Blasting*. Penghijrahan mereka melalui jalan laut Selat Melaka dengan menyusuri Sungai Kuala Dipang, Sungai Kinta dan lain-lain lagi dengan menggunakan jong. Mereka adalah peniaga dan pedagang. Menurut Affifudin, penghijrahan orang Kampar dari Bangkinang ke Kedah adalah berikutan kekalahan Dato Tabano dalam perjuangannya menentang Belanda. Antara individu yang terkenal ialah Tuan Guru Haji Hussin dan Tuan Guru Haji Omar yang merupakan anak Tuan Guru Haji Soleh dan cucu kepada almarhum Datuk Tabano Bangkinang. Tuan Guru Haji Omar menetap di Kampung Kubang Lembu dan membuka pondok pengajian agama Islam. Keturunan Tuan Guru Haji Omar melahirkan beberapa orang tokoh terkenal seperti Profesor Emeritus Dato' Dr. Asmah Haji Omar, seorang tokoh linguistik dan juga Affifudin yang menjadi teknokrat serta tokoh politik.

'Peh Anak Tok Guru Haji Omaq' menjadi fokus Bab Dua. Datuk Tabano Bangkinang menjadi idola Affifudin yang digelar sebagai Gandulo kerana ketokohan dan kependekarannya menentang Belanda. Tokoh tersebut dilahirkan pada tahun 1850 dan berasal dari desa Muara Usai, kenegerian Limo Koto, Kabupaten Kampar. Beliau adalah tokoh agama dan adat serta merupakan penentang Belanda yang ulung di Kampar. Beliau mendapat pendidikan agamanya daripada Masjid Jamik, Bangkinang dan dikatakan turut memiliki ilmu kebatinan. Setelah meningkat dewasa, Datuk Tabano dilantik menjadi Dubalang dan diberikan gelaran sebagai Dato. Isterinya bernama Halimah Siyam dan mempunyai dua orang anak iaitu Abdullah serta Habibah.

Dalam penulisan sejarah Sumatera, beliau dicatat sebagai salah seorang panglima perang Tunku Imam Bonjol dalam menentang Belanda di Sumatera Barat. Berikutan penangkapan Imam Bonjol oleh Belanda, Datuk Tabano meneruskan perjuangan menentang Belanda di Muara Uwai. Perjuangan di Kampar bermula pada tahun 1894 bersama-sama keluarganya dengan menjadikan Sungai Kampar sebagai asas utama. Datuk Tabano meninggal dunia pada 11 November 1898 di Banjar Kampung Godang, Bangkinang dan dimakamkan di Dusun Uwai Kampung Muaro, Uwai Kecamatan Bangkinang.

Pada awalnya mereka menetap di Selangor dan berhijrah ke Langgar, Kedah bersama-sama dengan kumpulan Haji Khotib, Tok Soleh dan anak-anaknya Maryam, Hussin dan Omar. Keluarga tersebut kemudiannya membina legasi Kampar di negeri Kedah. Orang tempatan menggelar tokoh tersebut dengan panggilan Tok Guru Haji Omaq atau Pak Omaq. Beliau dilahirkan di Langgar, Alor Setar pada tahun 1908 dan merupakan cicit kepada Datuk Tabano. Haji Omar mendapat

pendidikan di Sekolah Melayu Langgar sebelum melanjutkan pengajian ke Sekolah Agama Pak Wan Sulaiman, Alor Setar sehingga berumur 15 tahun. Beliau turut mendalami ilmu agama di Pondok Tok Kenali, Kelantan. Pada tahun 1927, Haji Omar melanjutkan pengajian ke Darul Ulum, Mekah dan berkesempatan berguru dengan ramai ulama tersohor bersama abangnya Tuan Guru Haji Hussien Langgar.

Pengajian beliau diteruskan sekali lagi di Pondok Tok Janggut (Haji Ahmad Janggut) di Langgar dan kemudiannya mengajar di Pondok Raudatul Ulum yang dikelolakan oleh ayahnya Haji Saleh serta abangnya Haji Hussain di Makam Diraja Langgar. Antara jasanya ialah mendirikan Madrasah Al Najah di atas sebidang tanah milik mertuanya di Kubang Lembu, Jitra. Keunikan sistem pengajian madrasah tersebut kerana dilengkapi perpustakaan dan kemudahan untuk beriadah. Ketokohnya di negeri Kedah terserlah kerana menjadi rujukan bagi mempelajari ilmu kebatinan, Selendang Merah, Silat Kuntau dan Silat Selendang Merah.

Penceritaan seterusnya lebih berfokuskan kepada peribadi Tuan Guru Haji Omar dan perkembangan institusi pondok. Haji Omar pernah menjadi penasihat agama Diraja Kedah dan aktif dalam Syarikat Bekerjasama Am Saiburi (SABERKAS) dan *United Malays National Organisation* (UMNO). Beliau menjadi wakil rakyat Kawasan Jitra-Padang Terap dan dilantik sebagai Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri. Beliau dikenali kerana sifat keperibadian yang terpuji dan tidak takut bercakap tentang kebenaran. Haji Omar dikurniakan seramai 10 orang anak melalui dua perkahwinan. Beliau meninggal dunia pada 1 Julai 1965 ketika berusia 57 tahun kerana masalah kecederaan buah pinggang yang dialaminya ketika aktif dalam seni persilatan. Pesan kepada anak-anaknya ialah agar memiliki kekuatan ekonomi sekiranya ingin menceburi bidang politik. Hal yang demikian ialah bagi mengelakkan seseorang terjerumus dalam gejala rasuah dan penyalahgunaan kuasa.

Affifudin Omar yang dilahirkan pada 27 Mac 1943 di Kampung Kubang Lembu, Jitra, Kedah. Beliau merupakan anak kepada Haji Omar dengan isteri pertama. Kesemua anak-anak Haji Omar bermula dengan huruf A dan mereka menjadi sebutan dalam kalangan penduduk tempatan kerana kejayaan dalam bidang masing-masing. Zaman kanak-kanaknya diisi dengan aktiviti lasak seperti bermain lastik, mandi sungai, meredah sawah dan belukar, menembak burung, menangkap belalang dan lain-lain lagi. Akibat sering bermain lumpur dan selut, Affifudin kerap dijangkiti penyakit kulit yang dinamakan puru.

Dalam kesemua adik-beradik daripada seibu iaitu Mak Chah, Aunah adalah anak keempat dan yang paling disayangi oleh Affifudin. Aunah meninggal dunia pada tahun 2018 selepas dua bulan pemergiannya. Oleh kerana Haji Omar meninggal dunia ketika usia yang muda, tanggungjawab mendidiknya dipikul oleh ibunya yang berketurunan Nai Sin iaitu wakil kerajaan Siam di Binjal. Ibunya meninggal dunia pada tahun 2006 ketika berusia 80-an dan pernah dianugerahkan Tokoh Ibu Mithali Negeri Kedah pada tahun 1990.

Affifudin mendapat pendidikan awal di Sekolah Melayu Jitra dari tahun 1949 hingga tahun 1952 dan tamat darjah empat. Pengajiannya diteruskan di Kolej Sultan Abdul Hamid, Alor Setar hingga ke darjah *Special Malay One* dan lulus *High School Certificate* dalam bidang sains. Beliau bercita-

cita tinggi dan ayahnya sering menekankan terhadap keperluan menguasai bahasa Inggeris serta ilmu moden.

Pada tahun 1963, beliau melanjutkan pengajian ke Universiti Malaya dalam bidang Sains Pertanian dan memperoleh Ijazah Sarjana Muda (dengan kepujian) pada tahun 1966. Pada tahun 1969, beliau meneruskan pengajian ke peringkat sarjana di University of Kentucky, Amerika Syarikat dalam bidang Pembangunan Ekonomi dan Sosial. Pengajian di peringkat kedoktoran diteruskan di Cornell University, New York pada tahun 1976. Beliau mendapat peluang melanjutkan pengajian kdoktoran di bawah tajaan *Rockefeller Scholarship* dengan bergaji penuh berikutan pertemuan dengan McNamara pada tahun 1971 apabila Presiden Bank Dunia itu melawat negeri Kedah untuk menyampaikan sumbangan bagi pembangunan sektor pertanian.

‘Sepanjang Jalan Kenangan’ menjadi tajuk Bab Tiga dan memerihalkan keperibadian yang dimiliki oleh Affifudin Omar. Keseimbangan pendidikan dunia dan akhirat yang diterima menjadikannya sebagai tokoh yang mampu beradaptasi dengan persekitaran yang mencabar. Affifudin dikurniakan seramai empat orang anak lelaki dan seorang anak perempuan. Perkahwinan pertamanya dengan Che Hasnah binti Abdullah yang merupakan mantan pengetua dan dikurniakan seramai dua orang anak iaitu Amran Hafiz serta Amirul Husni. Amran Hafiz ialah Pengarah Eksekutif, Investment di Khazanah Nasional Berhad manakala Amirul Husni merupakan akademia di Universiti Utara Malaysia. Perkahwinan keduanya dengan Wan Kalsum binti Wan Yusof dikurniakan tiga orang cahaya mata iaitu Azhar Ansari, Amlia Amrina dan Aiman Afif. Wan Kalsum Wan Yusof adalah penerbit produksi drama *A-Ten Alliance* manakala Amlia Amrina merupakan penerbit eksekutif. Azhar Ansari pula merupakan Pengarah Urusan *Syruz Corporation Sdn. Bhd.*, manakala Aiman Afif pula berkelulusan dalam bidang undang-undang. Sebagaimana penekanan kepentingan pendidikan oleh allahyarham bapanya, Affifudin memberikan ruang dan peluang kepada anak-anaknya berdasarkan minat serta kecenderungan.

Affifudin mementingkan amalan berkumpul bersama keluarga khususnya ketika makan malam menjadi tradisi dan terus dipraktikkan oleh anak-anak allahyarham. Masa berkumpul digunakan sebagai ruang untuk berkongsi cerita mengenai aktiviti yang dilalui sepanjang hari. Masa bersama komuniti turut digunakan dengan sebaik mungkin seperti amalan bersolat tarawih di masjid yang paling hampir dengan rumah dengan tujuan menjaga hubungan bersama komuniti dan jiran tetangga. Affifudin juga gemar bercerita berulang kali, mempunyai unsur kecindan, kaya dengan nasihat dan pengalaman hidup yang mahu dikongsikan dengan khalayak. Kepentingan pendidikan sehingga ke luar negara, menjaga solat dan menjauhi minuman beralkohol turut menjadi amanatnya.

Jadual Afiffuddin menjadi agak padat apabila terlibat dalam politik dan memegang portfolio sebagai Timbalan Menteri Kewangan. Ketika itu, hal keluarga diuruskan oleh isterinya. Walau bagaimanapun, hobi membacanya diteruskan dan ini memberikan kelebihan kepada kemahiran menulis. Pada kebiasaannya beliau akan mencatat dan menulis draf dengan tulisan tangan sebelum diserahkan kepada pembantu peribadinya untuk ditaip semula. Beliau juga boleh menyampaikan ucapan secara spontan di khalayak. Affifudin mula serius dalam dunia penulisan setelah bersara dari bidang politik sekitar tahun 2009 atau 2010. Genre penulisannya berbentuk fiksyen bertujuan untuk berkongsi nilai-nilai murni bersama masyarakat. Penulisan akademiknya pula berkisar

mengenai ekonomi Melayu sesuai dengan bidang pengkhususannya tentang ekonomi dan pemikiran bangsa Melayu.

Sifat terpujinya ialah menghormati tetamu dan memenuhi permintaan serta harapan orang lain. Ajaran Haji Omar dengan menjamu tetamu atau membawa pulang buah tangan dipraktikkan oleh beliau. Antara sisi lain yang dinyatakan oleh kaum keluarga dan rakan taulan ialah sifat pemurah dalam kalangan adik-beradik dan kepada sesiapa sahaja. Justeru itu, gelaran Pak Lang Peh dan Tok Lang Peh menjadi panggilan sepupu dan cucunya.

Beliau popular dalam kalangan petani dan peladang kerana sikapnya yang merendah diri serta tidak berprotokol. Kemesraannya jelas kelihatan ketika menjadi Timbalan Pengurus *Muda Agricultural Development Authority* (MADA) dan Pengurus Besar *Kedah Regional Development Authority* (KEDA). Penampilannya sentiasa kemas dan ringkas bersama pakaian pilihannya yang berwarna hitam serta putih.

Kesedarannya mengenai nasib petani Melayu mendorongnya kembali ke kampung halamannya di Kedah untuk berbakti. Ruang tersebut digunakan untuk menceburi bidang politik dan menjadi Ketua UMNO Padang Terap. Kredibilitinya terserlah sebagai wakil parlimen bagi Kawasan Padang Terap dan dilantik menjadi Timbalan Menteri Kewangan sehingga tahun 1999.

Turut dimuatkan dalam penulisan ini ialah mengenai sejarah penubuhan MADA dan kemelut kemiskinan yang dialami oleh pesawah. Rancangan pemulihan ekonomi kaum tani yang direncanakan oleh Tun Abdul Razak menjadi kenyataan berikutan lawatan Pengerusi Bank Dunia iaitu Robert McNamara ke Kedah pada tahun 1970. Dalam pertemuan tersebut, beliau bersetuju untuk menyumbang pembiayaan bagi pembinaan prasarana MADA. Perdana Menteri ketika itu Dr. Mahathir Mohamad memberikan amanah untuk menubuh dan mengetuai KEDA pada tahun 1981 dengan matlamat meningkatkan taraf hidup penduduk negeri Kedah di luar lingkungan pembangunan pertanian MADA.

Krisis politik dan kepimpinan dalam negara pada tahun 1998-1999 memberikan kesan yang besar dalam karier tokoh ini apabila tidak dicalonkan bertanding dalam pilihan raya umum 1999. Ini menyebabkan beliau mengambil keputusan meninggalkan bidang politik yang dicintainya. Walaupun pernah ditawarkan untuk menduduki kerusi kepimpinan politik di peringkat negeri namun beliau menolaknya kerana ketidakmampuan menyesuaikan diri dengan persekitaran politik negeri.

Bab Lima pula berkisar kepada penglibatan tokoh dalam bidang penulisan sejak tahun 2000. Affifudin berjaya menghasilkan sebanyak 24 buah novel dan beberapa penulisan akademik yang berkisar terhadap perkongsian intelek, teguran kepada sistem nilai dan sindiran terhadap masyarakat. Sebanyak 16 ringkasan karya penulisan dimuatkan dalam biografi tersebut yang memaparkan realiti kehidupan, perjuangan, cinta, pendidikan, kekeluargaan, agama, hubungan, persahabatan, skandal, penyelewengan, salah guna kuasa, budaya Barat, fahaman komunis dan pelbagai rencah kehidupan.

Selepas bersara dari dunia politik Affifudin terlibat dalam aktiviti Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Kedah. Jasanya juga dalam tercetusnya Program Sarjana Muda Sejarah Gunaan Dengan Keahlian di Universiti Utara Malaysia (UUM) dan menjadi Penasihat Kehormat kepada penganjuran Persidangan Antarabangsa Sejarawan Asia (IAHA) ke-13 pada tahun 2014. Beliau turut dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah Universiti, UUM dan juga Universiti Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (UniSHAMS), Kedah.

Epilog adalah cetusan biografi yang terakhir mengenai tokoh. Kegigihan menimba ilmu membolehkan beliau berjaya mencapai kecemerlangan pengajian, kerjaya dan juga khidmat kepada masyarakat. Pada akhir usianya, Affifudin Omar disahkan mengidap penyakit kanser dan dirahsiakan daripada rakan-rakannya walaupun diketahui oleh ahli keluarganya. Pada 10 April 2018, beliau menghembuskan nafas terakhir di samping isteri, lima orang anak, lima orang cucu dan keluarga rapat pada jam 10.23 pagi ketika berusia 75 tahun. Jenazah allahyarham disolatkan di Masjid Saidina Umar Al-Khattab, Bukit Daamansara dan dikebumikan di Tanah Perkuburan Islam Bukit Kiara pada jam 3.15 petang. Beliau yang disifatkan sebagai suami dan bapa yang penyayang oleh keluarganya, seorang yang penuh ceria dan sentiasa segar dengan pelbagai cerita oleh rakan-rakan dan taulan. Negara kehilangan seorang intelektual yang mempunyai integriti yang tinggi, amanah dan setiakawan. Keperibadian yang tinggi dengan sifat-sifat merendah diri tetap menjadi kenangan. “Harimau mati meninggalkan belang dan manusia mati meninggalkan nama”.

Perkembangan penulisan biografi di Malaysia mengalami pasang surut kerana kekurangan minat masyarakat. Naskah ini juga tidak lekang daripada kelemahannya namun catatan hidup ini sangat bernilai bagi seseorang sejarawan. Naskah biografi yang disajikan tidak lekang daripada kelemahannya khususnya dari segi penggunaan gaya bahasa namun intipati utama yang disampaikan sangat bermakna. Cadangan penggunaan perkataan seperti ‘pendatang’ boleh digantikan dengan ‘perantau’ yang membawa maksud yang lebih tepat. Oleh kerana buku ini menjurus terhadap biografi, nama informer yang ditemubual perlu dimasukkan dalam ruangan bibliografi. Penulisan juga akan lebih bermakna sekiranya informer yang meliputi pelbagai bangsa ditemubual bagi mendapatkan data. Walau bagaimanapun, beliau selayaknya digelar sebagai *A complete personality* kerana karisma dan keintelektualan yang dimilikinya.

Rujukan

- Abdullah Zakaria Ghazali dan Adnan Hj. Nawang (eds.). (1997). *Biografi tokoh pilihan Malaysia*, Universiti Malaya.
- Ramlah Adam. (2006). “Kaedah penulisan biografi”, Danny Wong Tze-Ken, et. al, (eds.). *Sumber sejarah dan pendekatan*. Universiti Malaya.
- Ramlah Adam. (2002). *Biografi politik Tunku Abdul Rahman*. Penerbit Universiti Malaya.
- Ted Schwarz. (1990). *The complete guide to writing biographers*. Ohio: Write’s Digest Books.

Mohamed Ali Haniffa (PhD),
Unit Sejarah dan Kenegaraan Malaysia, Jabatan Tamadun dan Falsafah, Pusat Pengajian Bahasa,
Tamadun dan Falsafah,
Universiti Utara Malaysia, Sintok, Kedah.

Ayu Nor Azilah Mohamad,
Jabatan Pengajian Ketamadunan dan Pembangunan Insan,
Fakulti Sains Sosial,
Universiti Islam Selangor.

Siti Nor Zakiah Saidi
Universiti Utara Malaysia, Sintok, Kedah.